

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 SEPTEMBER 2016

# ROS lulus Parti Pribumi Bersatu Malaysia

BH- 9/9/2016

→ PPBM perlu beri penjelasan tanggungjawab Pengerusi, Presiden

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Pendaftar Pertubuhan (ROS) meluluskan penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia, dengan singkatan nama PPBM.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kelulusan itu diberikan secara prinsip kerana PPBM perlu terlebih dahulu memberi penjelasan lanjut kepada ROS mengenai tanggungjawab Pengerusi dan Presiden parti.

“Dalam perlembagaan parti itu dinyatakan tugas pengerusi adalah mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi, manakala presiden mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden.

“Selepas penjelasan (lanjut) dilakukan, barulah ROS akan mengeluarkan surat kelulusan secara rasmi,” katanya pada sidang media selepas menghadiri

Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Alwi Ibrahim dan Ketua Pengarah ROS, Datuk Mohammad Razin Abdullah.

Pada 9 Ogos lalu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengemukakan permohonan kepada ROS bagi pendaftaran PPBM.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dinamakan sebagai pengerusi parti baharu itu, manakala Muhyiddin sebagai presiden.

**Tukar logo**

Ahmad Zahid berkata, singkatan nama ‘Bersatu’ seperti yang dimohon PPBM pada peringkat awal tidak diluluskan ROS kerana ada enam parti politik dan pertubuhan di negara ini yang menggunakan perkataan ‘Bersatu’ pada nama organisasi mereka.

“Itu (PPBM) adalah permohonan mereka selepas berunding dengan ROS dan mereka

tidak boleh menggunakan nama lain.

“Parti itu juga menukar logo daripada permohonan asal kepada logo baharu,” katanya.

Sementara itu, Mohammad Razin berkata, jika singkatan nama lain digunakan selain PPBM, parti itu boleh berdepan tindakan dibatalkan pendaftaran kerana melanggar perlembagaan parti, mengikut Akta Pertubuhan 1966.

**Elak sindrom penafian**

Terdahulu dalam ucapannya, Ahmad Zahid meminta kaki-tangan KDN supaya tidak mempunyai ‘sindrom penafian’ jika menerima rungutan daripada rakyat berhubung perkhidmatan kementerian itu.

“Bagaimanapun, saya juga berharap rakyat bersikap adil kerana jika timbul masalah, contohnya berkaitan permohonan pasport, ia juga berpunca daripada aspek lain seperti pembekal dan kontraktor yang tidak memenuhi tempoh spesifikasi dan koordinasi yang harus diselaraskan,” katanya.